

Dapat kerja, dalam bidang yang diminati

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

SESETENGAH kawan Cik Nur Amirah Juhari sukar mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian di politeknik.

Beliau lebih bernasib baik. Malah, sebelum tamat pengajian diploma perhubungan visual di Politeknik Nanyang (NYP) pada tahun lalu, Cik Amirah ditawarkan pekerjaan.

Syarikat Fossil Group menawarkan beliau pekerjaan di bawah Program Bekerja dan Belajar (EPL) SkillsFuture, yang membantu lulusan politeknik memulakan kerjaya di sebuah syarikat sambil mendalami ilmu dan kemahiran mereka yang mereka pelajari.

Fossil syarikat Amerika Syarikat yang menghasilkan jam dan aksesori. Ia mempunyai enam cawangan dan sekitar 100 kakitangan di Singapura.

“Sebelum itu, saya pun tidak begitu pasti apakah saya akan ditawarkan pekerjaan dalam tempoh yang singkat seperti sebahagian lulusan politeknik. Tapi selepas permohonan saya menyertai ELP diterima, saya tahu saya tidak akan lepaskan peluang itu.

“Apatah lagi ia ada kaitan dengan apa yang saya belajar dan bidang ini memang menjadi minat saya sejak dahulu,” kata Cik Amirah, 21 tahun.

Beliau kini bertugas sebagai pereka letak visual produk (visual merchandiser) secara musiman atau apabila ada promosi istimewa.

Antara lain, beliau bertanggungjawab memperagakan produk barangan kulit seperti beg tangan dan juga jam di kedai Fossil bagi menarik pel-

Lulusan Politeknik Nanyang ditawar pekerjaan sebelum tamat pengajian

anggan.

Di bawah ELP, Cik Amirah bekerja empat hari seminggu dan sehari lagi beliau mendalami bidang perbarangan (merchandising) visual di NYP.

Antara yang dipelajarinya di NYP ialah memahami sikap dan pandangan pelanggan terhadap produk, rekaan dalam media elektronik, rekaan perniagaan dan penjenamaan.

Kelas beliau biasanya dijalankan antara 9 pagi dan 6 petang setiap Isnin.

Pada akhir program setahun itu, yang tamat pada Mei, beliau akan diugerahkan diploma spesialis dan bekerja sepenuh masa bersama Fossil.

Bagi Cik Amirah, kelebihan program itu ialah ia menawarkannya kestabilan pekerjaan dan pendapatan

tetap.

“Tambahan pula pekerjaan ini bak terapi bagi saya memandangkan saya sendiri mudah tertarik pada sesetengah pameran di kedai lain.

“Saya juga memang gemar membeli-belah. Sebagai pelanggan, pameran dalam kedai juga menarik perhatian saya.

“Dengan tidak secara langsung, saya juga belajar sedikit sebanyak apabila pergi ke sesebuah kedai untuk membeli-belah,” ujarnya.

Sebagai sebahagian daripada tugas beliau, Cik Amirah juga menghasilkan rekaan grafik bagi risalah dan papan rintang dalam kedai mengenai produk Fossil.

Ketua Portfolio Fossil Group, Cik Lydia Lim, berkata program itu bermanfaat bagi syarikat itu kerana ia menawarkan pelajar terlatih untuk menyokong pasukan visual barangan.

“Ini termasuk daripada sudut perancangan panduan kepada pelaksanaannya,” katanya.

Sejauh ini, Cik Amirah satu-satunya lulusan politeknik diterima menyertai syarikat itu di bawah program tersebut.

MENAMBAH ILMU SAMBIL BEKERJA: Cik Amirah berasa kelebihan Program Bekerja dan Belajar SkillsFuture (ELP) ialah ia menawarkan kestabilan pekerjaan dan pendapatan tetap sambil memberi lulusan politeknik peluang mendalami ilmu dalam bidang yang mereka pelajari. – Foto ZAINAL YAHYA